

## BAB ENAM

### KESIMPULAN

#### 6.0 HADIAH BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA

Setelah enam tahun berturut-turut (1991 hingga 1996) Majlis Buku Kebangsaan Malaysia mengadakan pertandingan Hadiah Buku Kebangsaan Malaysia, didapati tidak sampai 15 buah penerbit yang menyertai pertandingan ini untuk kategori buku kanak-kanak pada setiap tahun. Daripada **Jadual 4.1** boleh dilihat jumlah yang mencatatkan paling banyak penyertaan penerbit ialah pada tahun 1991 iaitu sebanyak 12 penerbit. Jumlah penyertaan penerbit paling sedikit ialah pada tahun 1994 iaitu hanya enam buah.

Daripada **Jadual 4.1** juga kita boleh melihat judul buku kanak-kanak yang dipertandingkan amat sedikit berbanding jumlah keseluruhan yang terbit pada setiap tahun. Jumlah tertinggi yang dicatatkan dalam **Jadual 4.1** ialah pada tahun 1991 dengan 50 judul sedangkan jumlah keseluruhan buku kanak-kanak yang terbit pada tahun itu ialah 1,088<sup>1</sup> judul. Jumlah penyertaan paling sedikit ialah pada tahun 1992, hanya 20 buah judul kanak-kanak yang dipertandingkan iaitu kira-kira 1.38% daripada 1,446 judul kanak-kanak yang terbit pada tahun itu.

Selain itu (daripada **Jadual 4.1** juga), daripada 29 buah penerbit iaitu jumlah keseluruhan penerbit yang menyertai pertandingan untuk

<sup>1</sup> Jumlah ini ialah statistik yang dikeluarkan Perpustakaan Negara berdasarkan jumlah terbitan yang diserahkan di bawah Akta Penyerahan Bahan Terbitan 1986.

kategori ini dari tahun 1991 hingga 1995, didapati hanya dua buah yang menyertainya pada setiap tahun. Penerbit-penerbit tersebut ialah Dewan Bahasa dan Pustaka dengan penyertaan keseluruhan (1991-1995) sebanyak 35 judul dan Pustaka Delta Pelajaran dengan penyertaan sebanyak 13 judul. Jumlah penyertaan judul kedua tertinggi datangnya dari penerbit Adlaunch (M) Sdn. Bhd. yang mula menyertai pertandingan ini pada tahun 1992 iaitu sebanyak 25 judul. Penerbit-penerbit lain hanya menghantar penyertaan mereka dalam dua atau tiga pertandingan sahaja. Pada tahun 1991, didapati ada penerbit yang menghantar sehingga 10 judul untuk dipertandingkan seperti Pustaka Antara dan Pustaka Pertiwi. Selepas itu hanya pada tahun 1993 Pustaka Antara menghantar dua judul penyertaan sedangkan Pustaka Pertiwi tidak lagi menghantar sebarang penyertaan pada tahun-tahun berikutnya (sehingga 1995).

Daripada contoh-contoh jumlah yang dikemukakan ini, jelas menunjukkan pertandingan itu kurang mendapat sambutan daripada para penerbit di Malaysia. Pengerusi Panel Hakim Hadiah Buku Kebangsaan 1994 dalam teks Laporan Pengerusi Panel Hakim 1994 turut meluahkan rasa kecewanya terhadap sambutan yang kurang memuaskan daripada para penerbit. Hanya penerbit besar seperti Dewan Bahasa dan Pustaka yang dapat memberi sambutan baik terhadap pertandingan ini pada setiap tahun. Buktinya dapat dilihat dalam Jadual 4.1 dan daripada keputusan pertandingan dalam BAB EMPAT, didapati 10 daripada 14 judul yang menang adalah buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Masalah kurangnya sambutan di kalangan penerbit terhadap acara tahunan MBKM ini harus diatasi dengan segera. Ini memandangkan Pertandingan Hadiah Buku Kebangsaan merupakan acara berprestij MBKM untuk memberi pengiktirafan kepada penerbitan yang bermutu tinggi. Dalam tempoh dua tahun pertandingan ini tidak diadakan (1997 & 1998), MBKM harus sudah dapat satu formula baru untuk menggalakkan lebih ramai penerbit yang menyertai pertandingan ini kerana selepas enam tahun berturut-turut diadakan acara ini, hanya pihak MBKM yang dapat mengenal pasti mengapa acara ini kelihatan dingin pada pandangan mata penerbit-penerbit di Malaysia. Mungkin pihak MBKM perlu mengkaji semula salah satu syarat penyertaan pertandingan yang mengkehendaki penerbit menghantar sebanyak enam naskhah setiap judul terbitan dan jumlah kesemua judul ini tidak akan dikembalikan sama ada penyertaannya layak atau tidak untuk satu-satu pertandingan itu. Ini disebabkan ada penerbit terutama penerbit kecil dan masih baru yang merungut jumlah itu agak membebankan buat mereka lebih-lebih lagi kalau mereka menghantar lebih dari satu judul. Penerbit-penerbit ini mengatakan bahawa mereka tidak mahu menanggung risiko kerugian kerana enam naskhah setiap judul itu agak besar bagi mereka, lebih-lebih lagi sekiranya judul yang dihantar sebagai bahan penyertaan itu tidak layak dipertandingkan kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, misalnya menghantar buku terbitan tahun 1992 untuk pertandingan tahun 1992 atau tidak mengikut kategori yang betul.

Selain kurangnya mendapat sambutan di kalangan penerbit, mutu buku yang dipertandingkan belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan selaras dengan imej pertandingan. Ini dapat dilihat melalui keputusan penuh pertandingan Hadiah Buku Kebangsaan dari tahun 1991 hingga tahun 1996, hanya pada tahun 1992 dan 1996 ada buku yang dianugerahkan Hadiah Buku Kebangsaan iaitu buku *Memoir Arena Wati: Enda Gulingku* dan *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kedua-dua buah buku ini bukan dari Kategori A: Buku Kanak-kanak.

Daripada keputusan itu, timbul persoalan apakah dalam senarai buku kanak-kanak yang dipertandingkan itu tidak ada satu pun yang layak untuk mendapat anugerah Hadiah Buku Kebangsaan. Mengapa ini berlaku? Adakah kerana buku kanak-kanak memang tidak berhak untuk anugerah itu atau kualiti penerbitan buku kanak-kanak belum mencapai tahap yang dikehendaki untuk anugerah Hadiah Buku Kebangsaan? Kalau benar kualiti penerbitan buku kanak-kanak belum mencapai tahap yang dikehendaki, bila ia akan dapat mencapai tahap itu? Atau sememangnya sampai bila-bila pun tahap itu tidak akan dicapai kerana para penerbit yang menghasilkannya sengaja tidak berbuat demikian kerana bagi mereka buku kanak-kanak tidak perlu dibuat begitu sempurna memandangkan ia hanya sebuah bacaan untuk kanak-kanak. Atau adakah sebab-sebab lain? Persoalan ini menjadi tanggungjawab MBKM bukan sahaja sebagai penganjur pertandingan malah sebagai sebuah badan yang ditubuhkan

khas untuk mewakili Kementerian Pendidikan dalam usaha memajukan bidang perbukuan di Malaysia.

Panel Hakim Pertandingan berulang kali menyuarakan kebimbangan mereka terhadap pencapaian mutu penerbitan buku yang menyertai pertandingan, lebih-lebih lagi buku kanak-kanak dalam laporan Pengerusi Panel Hakim Pertandingan. Subjek utama yang sering dibincangkan ialah berkenaan kelemahan perekaan buku yang meliputi reka bentuk, pemilihan dan penggunaan ilustrasi, jenis dan bentuk jilidan dan jenis kertas serta aspek-aspek percetakan. Walaupun kualiti bahan terbitan sering disuarakan, para panel hakim ini terpaksa juga memberi hadiah penghargaan kepada beberapa judul memandangkan beberapa keistimewaan lain yang dimiliki buku itu. Misalnya pada tahun 1992, tidak ada sebarang judul buku kanak-kanak yang layak mendapat anugerah Hadiah Buku Terbaik Kategori A: Buku Kanak-kanak (A1, A2 & A3). Hanya satu judul iaitu *Hendak ke Mana, Cantik?* yang mendapat Hadiah Penghargaan untuk Kategori A1. Ini mungkin disebabkan para panel hakim berpendapat walaupun buku ini tidak layak mendapat Hadiah Buku Terbaik, ia layak untuk Hadiah Penghargaan memandangkan ada elemen lain yang baik dalam buku ini, misalnya dari aspek ilustrasi. Buktinya dapat dilihat apabila ilustrator buku ini juga mendapat Hadiah Ilustrator Terbaik 1992.

Daripada keputusan penuh untuk Kategori A: Buku Kanak-kanak yang terdapat dalam BAB EMPAT: HADIAH BUKU KEBANGSAAN,

kita boleh lihat daripada 14 judul yang memenangi hadiah, hanya lima judul yang dianugerahkan Hadiah Buku Terbaik iaitu buku *Kamus Bercerita* (1991), *Siri Mengenal Haiwan dan Indahnyanya Alamku* (1993), *Kai di Lembah Urda* (1994) dan *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (1996). Judul-judul yang lain hanya memenangi Hadiah Penghargaan, Hadiah Ilustrator Terbaik, Hadiah Editor Terbaik dan Hadiah Khas Juri.

Pada tahun 1995, empat hadiah yang dipertandingkan dalam Kategori A: Buku Kanak-kanak iaitu Kategori A1: Buku Kanak-kanak Bergambar Hitam/Putih, Kategori A2: Buku Kanak-kanak Cereka/Kreatif dan Kategori A3: Buku Kanak-kanak Pengetahuan/Rujukan dan Kategori A5: Buku Terjemahan/Adaptasi tidak mempunyai sebarang pemenang. Sedangkan daripada Buku Cenderamata Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 1995 (Daftar Penerbit dan Pencalonan, hal. 36) mencatatkan lima judul dipertandingkan dalam Kategori A2, 6 judul dalam Kategori A3 dan 8 judul dalam Kategori A5. Pengerusi Panel Hakim Pertandingan 1995 dalam laporannya (Buku Cenderamata Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 1995, hal. 43) mengatakan mutu buku-buku yang dipertandingkan pada tahun itu agak merosot kualitasnya berbanding buku-buku yang dipertandingkan pada tahun sebelumnya.

Sebagai penganjur, kelemahan-kelemahan yang disebutkan itu perlu diberi perhatian serius oleh pihak MBKM. MBKM mungkin boleh mengadakan lebih kerap pertemuan dengan para penerbit yang mahu berbuat demikian untuk mencari punca kelemahan dalam bidang

penerbitan mereka dan cara mengatasi kelemahan itu. Pertemuan yang diadakan ini harus ada pula tindakan susulan yang positif misalnya cuba merealisasikan cadangan dan ide yang dipersetujui dalam pertemuan tersebut supaya para penerbit yang memberi kerjasama akan terus bekerjasama dan menarik minat kerjasama penerbit-penerbit lain. Mungkin dengan cara ini, usaha MBKM untuk memajukan bidang perbukuan di Malaysia akan mendapat perhatian penerbit-penerbit lain.

Sebagai penganjur pertandingan hadiah buku yang terbesar di Malaysia, MBKM patut diberi pujian kerana kesungguhan mereka menganjurkan pertandingan yang berprestij ini. Para penerbit di Malaysia seharusnya mengambil kesempatan mengetengahkan terbitan mereka untuk menguji sejauhmana pencapaian mereka dalam bidang penerbitan dengan menyertai pertandingan. Para penerbit yang mengambil bahagian harus berfikiran terbuka, memberi peluang panel hakim yang terdiri daripada mereka yang profesional dalam pelbagai aspek penerbitan menilai hasil terbitan mereka. Komen dan saranan harus dilihat secara positif supaya bidang perbukuan di negara ini boleh mencapai tahap industri seperti yang dikehendaki para penerbit sendiri.

## 6.1 MUTU BUKU KAJIAN

Kesimpulan yang dibuat dalam bahagian ini akan berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi dalam kajian sampel iaitu BAB LIMA. Komen dan saranan akan berpandukan kepada kelemahan dalam



penerbitan dan cadangan yang dikemukakan oleh para panel hakim pertandingan, gaya penerbitan yang diterima pakai dalam bidang penerbitan dan *Chicago Manual* sebagai bahan rujukan.

Daripada sembilan judul yang dikaji, hanya satu judul iaitu *Kamus Bercerita* (8 5/8" x 7 1/2") menggunakan format melintang, manakala selebihnya menggunakan format menegak (potret). Sebenarnya format ini kurang sesuai untuk buku kanak-kanak kerana saiz yang lebar menyebabkan agak sukar bagi kanak-kanak hendak memegangnya. Selain buku ini, buku *Puteri Gunung Ledang* (8 1/2" x 11 1/4"), *Indahnya Alamku* (8 1/4" x 10 1/7") dan *Siri Mengenal Haiwan* (8 1/4" x 11 3/4") mempunyai saiz yang tidak sesuai, terlalu besar untuk bacaan kanak-kanak. Selalunya buku-buku yang menggunakan saiz besar begini adalah buku-buku mewah untuk orang dewasa.

Selain format yang kurang sesuai, terdapat beberapa kelemahan lain yang harus diambil perhatian pihak penerbit. Walaupun panel hakim pertandingan berpendapat buku *Kamus Bercerita* mematuhi aturan reka bentuk perbukuan antarabangsa, masih ada kelemahan lain yang pengkaji temui. Misalnya pada bahagian depan kulit buku perlu juga diadakan logo penerbit dan pada bahagian tulang belakang perlu diletakkan nama pengarang. Buku *Puteri Gunung Ledang* juga tidak mempunyai logo penerbit pada bahagian depan kulit buku. Manakala buku *Bergembira dengan Basic* tidak mempunyai nama pengarang pada bahagian tulang belakang. Keenam-enam buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka



mempunyai maklumat lengkap pada bahagian depan kulit buku. Tetapi tiga daripadanya iaitu *Berkelah di Pantai*, *Singapura Dilanggar Todak* dan *Siri Mengenal Haiwan* tidak mempunyai sebarang maklumat pada bahagian tulang belakang. Ini mungkin disebabkan saiz tulang belakang buku ini amat nipis dan tidak muat untuk diletakkan sebarang maklumat.

Pada bahagian kulit belakang pula, buku *Puteri Gunung Ledang* terbitan Penerbit Fajar Bakti tidak memuatkan ISBN. Malah buku ini juga tidak memanfaatkan bahagian kulit belakang ini untuk memuatkan sebarang maklumat tentang kandungan buku (blurb), sama seperti buku *Momotaro* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku *Berkelah di Pantai* terus terkeluar dari aturan perekaan buku yang diterima pakai kerana maklumat tentang hak cipta yang sepatutnya terdapat pada bahagian prelims diletakkan pada bahagian kulit belakang.

Tujuh daripada sembilan buku yang dikaji tidak mempunyai halaman judul kecil. Buku-buku itu ialah *Berkelah di Pantai*, *Momotaro*, *Singapura Dilanggar Todak*, *Indahnya Alamku*, *Bergembira dengan Basic*, *Kamus Bercerita*, dan *Puteri Gunung Ledang*. Buku *Kamus Bercerita* dan *Bergembira dengan Basic* pula tidak mempunyai tahun terbitan pada halaman judul.

Tiga buah buku iaitu *Puteri Gunung Ledang*, *Kamus Bercerita* dan *Berkelah di Pantai* tidak mempunyai data pengkatalogan dalam penerbitan (CIP) yang sepatutnya mengandungi maklumat nama pengarang, judul buku, subjek dan nombor panggilan yang menjadi panduan kepada

pustakawan pada halaman hak cipta. Malah buku *Bergembira dengan Basic* langsung tidak mempunyai halaman hak cipta. Terdapat tiga buah buku juga yang tidak mempunyai halaman kandungan iaitu buku *Puteri Gunung Ledang*, *Kai di Lembah Urda* dan *Berkelah di Pantai*. Ini mungkin disebabkan *Kai di Lembah Urda* sebuah novel yang tidak mempunyai tajuk bab (hanya menggunakan nombor bab), teks dalam *Berkelah di Pantai* terlalu sedikit jumlahnya dan tidak dibahagikan kepada bab tertentu dan *Puteri Gunung Ledang* juga tidak mempunyai pecahan bab. Bagi buku *Singapura Dilanggar Todak* pula, halaman kandungan tidak memuatkan nombor setiap bab yang terdapat dalam buku. Ini tidak sepatutnya berkeadaan demikian kerana halaman kandungan dapat memandu pembaca bab mana yang ingin dicari dan dibacanya. Buku-buku lain kelihatan sempurna perekaan halaman kandungannya.

Selain itu, terdapat buku yang kelihatan tidak mematuhi perekaan bahagian prelims misalnya buku *Kamus Bercerita* meletakkan halaman prakata dalam bahagian teks. Buktinya ialah verso halaman prakata diberi nombor halaman 2. Ini menunjukkan halaman prakata merupakan halaman 1 teks. Buku *Singapura Dilanggar Todak* pula meletakkan halaman judul bab pertama dalam bahagian prelims apabila tidak mengira halaman ini sebagai halaman teks. Buktinya, halaman pertama teks yang terletak di sebelah halaman judul bab ini diberi nombor halaman 1.

Daripada sembilan judul buku yang dikaji, hanya buku *Momotaro* yang memulakan setiap bab barunya pada halaman rekto. Walau

bagaimanapun, sepatutnya halaman pertama teks buku ini tidak diletakkan nombor halaman. Bagi buku *Singapura Dilanggar Todak*, setiap bab baru juga dimulakan pada halaman rekto tetapi setiap judul bab yang dimuatkan dalam satu halaman diletakkan pada sebelah verso. Sepatutnya halaman judul bab ini juga diletakkan pada sebelah rekto. Walau bagaimanapun, penggunaan judul bab dalam satu halaman ini merupakan satu daya penarik, lebih-lebih lagi ia diletakkan di dalam kotak empat segi yang mempunyai ilustrasi berkerawang untuk menunjukkan sifat klasik teksnya.

Buku *Siri Mengenal Haiwan: Mengenal Haiwan Serangga* juga menggunakan tajuk kecil yang menarik apabila menggunakan warna hijau untuk membezakannya dengan teks. Ia kelihatan menarik kerana kanak-kanak memang suka melihat benda yang berwarna-warni.

Dari segi penggunaan fon, semua buku kecuali *Puteri Gunung Ledang* dan buku *Bergembira dengan Basic* kelihatan sesuai jenis dan saiz fon yang digunakan untuk kanak-kanak. Buku *Puteri Gunung Ledang* dan menggunakan fon bersaiz 11 poin manakala *Bergembira dengan Basic* menggunakan fon bersaiz 12 poin dan ia tidak begitu sesuai untuk kanak-kanak. Mengikut Laporan Pengerusi Panel Hakim Pertandingan 1995, disebabkan penggunaan fon yang kecil dan kurang sesuai untuk kanak-kanak, buku *Puteri Gunung Ledang* hanya dianugerahkan Hadiah Penghargaan. Bagi buku *Kai di Lembah Urda*, walaupun ia juga menggunakan fon bersaiz 12 poin, ia kelihatan jelas dan terang kerana *leading* yang digunakan ialah 3 poin dan fon dari jenis Times Roman

kelihatan agak besar. Lagi pun buku ini sebuah karya novel untuk bacaan kanak-kanak berumur 10 tahun ke atas, tidak begitu sesuai menggunakan fon yang begitu besar.

Bagi buku *Indahnya Alamku*, fon yang bersaiz 16/18 poin memang sesuai untuk kanak-kanak berumur 9 hingga 13 tahun iaitu pembaca sasaran buku ini. Begitu juga dengan buku *Kamus Bercerita* yang menggunakan fon dari jenis sanserif sesuai untuk kanak-kanak berumur bawah 12 tahun. Buku *Siri Mengenal Haiwan: Mengenal Haiwan Serangga* yang hanya menggunakan fon bersaiz 13 poin juga kelihatan agak sesuai untuk kanak-kanak kerana fon dari keluarga Futura ini nampak besar daripada jenis fon lain walaupun saiznya sama.

Penggunaan kolom dalam buku *Indahnya Alamku* kelihatan menarik kerana teks puisi di dalamnya ada disusun dalam satu kolom dan dua kolom. Buku *Puteri Gunung Ledang* pula mempunyai kolom yang tidak sama panjang antara satu halaman dengan halaman lain. Penyusunan teks yang berlainan pada setiap halaman yang diselenggarakan dengan ilustrasi menjadikannya kelihatan menarik. Bagi buku *Kai di Lembah Urda*, susunan teksnya memang sesuai dalam satu kolom kerana sesebuah karya novel tidak sesuai disusun dalam dua kolom. Buku ini sebenarnya tidak mempunyai sebarang keistimewaan dari segala aspek reka bentuknya, cuma mungkin kandungannya yang agak berbeza dengan karya lain menyebabkan ia terpilih sebagai buku terbaik.

Daripada sembilan buah buku yang dikaji, hanya *Kai di Lembah Urda* yang mempunyai *running head*. Keadaan ini tidak mencatatkan buku kanak-kanak kerana *running head* tidak begitu penting dalam buku kanak-kanak. Ia penting diadakan di dalam buku rujukan untuk orang dewasa. Walau bagaimanapun, *running head* yang digunakan dalam *Kai di Lembah Urda* tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya kerana hanya judul buku (verso) dan nama pengarang (rekto) yang menjadi maklumat *running head*. Ini disebabkan sebelum membaca kandungan buku itu, pembaca sudah maklum dengan judul buku dan nama pengarangnya.

Bagi peletakan nombor halaman, semua buku mempunyai susunan nombor halaman yang biasa iaitu berada di kedudukan bawah teks, cuma dibezakan sama ada berada di sebelah luar atau di tengah-tengah. Hanya buku *Siri Mengenal Haiwan: Mengenal Haiwan Serangga* yang mempunyai kelainan iaitu meletakkan nombor halaman dalam bulatan berwarna hijau dan *reverse*.

Bagi perekaan bahagian akhiran, hanya buku *Siri Mengenal Haiwan: Mengenal Haiwan Serangga, Singapura Dilanggar Todak dan Bergembira dengan Basic* yang mempunyai halaman akhiran yang betul iaitu memuatkan tentang glosari dan jawapan kepada soalan-soalan yang terdapat dalam teks. Walau bagaimanapun buku *Siri Mengenal Haiwan: Mengenal Haiwan Serangga* menggunakan halaman terakhir bahagian akhiran sebagai halaman kredit untuk penyumbang gambar foto yang

terdapat dalam buku tersebut. Sepatutnya sebarang penghargaan dimasukkan dalam satu halaman dalam bahagian prelims.

Dari segi penggunaan ilustrasi, setiap ilustrasi yang terdapat pada setiap judul disesuaikan dengan bentuk dan jenis penerbitan judul itu mengikut kandungan teksnya. Misalnya buku *Bergembira dengan Basic* menggunakan ilustrasi dari bentuk seni kartun untuk menarik perhatian pembaca memandangkan ia sebuah buku maklumat yang sekiranya tidak dibuat sedemikian rupa akan mendatangkan rasa bosan di hati pembaca. Watak-watak kartun bersama-sama dialog yang ringkas dan mudah difahami digunakan untuk membantu memberi kefahaman kepada pembaca tentang kandungan teks.

Ada juga buku yang begitu menyerlah ilustrasi dan cetakannya seperti buku *Puteri Gunung Ledang*. Ilustrasi dalam bentuk *folk art* yang menggambarkan suasana kehidupan masyarakat Melayu tradisional dipersembahkan dengan menarik. Warna-warna yang digunakan untuk ilustrasi ini kelihatan terang dan ceria, warna yang disukai kanak-kanak. Ilustrasinya juga yang disusun berselang-seli antara yang berwarna dengan hitam putih kelihatan menyegarkan dan kedudukan reka letak ilustrasi sesuai dengan teks. Kedudukan yang sesuai ini dapat membantu pembaca memahami teks dengan lebih mudah di samping berasa seronok menikmati keindahan ilustrasi-ilustrasi tersebut. Atas sebab-sebab itulah panel hakim pertandingan memilih ilustrator buku ini sebagai ilustrator terbaik tahun 1995.

Ilustrasi buku *Kamus Bercerita* juga kelihatan jelas, menarik perhatian kanak-kanak dengan penggunaan warna yang segar dan terang dan sesuai dengan teks yang menerangkannya. Bagi buku *Siri Mengenal Haiwan: Mengenal Haiwan Serangga*, terdapat beberapa jenis ilustrasi yang digunakan iaitu gambar foto empat warna, lukisan empat warna dan lukisan dalam bentuk garisan. Gambar-gambar serangga yang ditunjukkan dalam saiz yang besar juga dapat menarik minat kanak-kanak yang membacanya. Bagi kanak-kanak yang belum tahu membaca, minat mereka untuk melihat gambar-gambar tersebut juga boleh ditawan. Walaupun ilustrasi gambar belalang pada halaman 1 kelihatan lebih besar daripada daun pisang, ia tidak mengganggu tumpuan kanak-kanak. Kalau ada pun kanak-kanak yang mempersoalkan tentang perbandingan saiz itu, orang dewasa boleh menerangkan itu sebagai gambaran pelukis sahaja, bukan gambaran sebenar.

Ilustrasi dua warna yang digunakan dalam buku *Singapura Dilanggar Todak dan Momotaro* disesuaikan dengan bahan cerita. Tidak semestinya ilustrasi empat warna saja yang menarik dan dapat menarik minat kanak-kanak. Ilustrasi dua warna juga mampu menarik minat kanak-kanak sekiranya dipersembahkan dengan gaya yang menarik.

Secara keseluruhan, buku-buku yang memenangi pertandingan dalam Hadiah Buku Kebangsaan ini belum mencapai tahap yang dikehendaki. Ini dikukuhkan lagi dengan luahan rasa tidak puas hati para panel hakim melalui laporan yang mereka kemukakan. Walaupun



sesebuah judul itu dinobatkan sebagai pemenang bagi satu-satu kategori, masih terdapat kelemahan yang harus diperbaiki para penerbit. Misalnya penerbit yang tidak menekankan penggunaan data pengkatalogan dalam penerbitan (CIP) harus mula memberi perhatian kepada perkara tersebut sekiranya ia mahu judul-judul terbitannya dapat diterima seangkatan dengan judul-judul lain yang tidak mengeneipkan penggunaan CIP. Selain itu, ditekankan juga penggunaan CIP penting dalam penerbitan untuk membantu pustakawan dalam proses pengkelasan buku di rak perpustakaan.

Para penerbit juga tidak seharusnya terlalu taksab dengan *house style* masing-masing, ia harus disesuaikan mengikut aturan yang diterima pakai semua penerbit. Misalnya mungkin dalam *house style* sesebuah penerbit tidak mewajibkan halaman judul kecil diadakan dalam sesebuah judul, tetapi mengikut aturan yang diterima pakai, halaman judul kecil mesti ada dalam setiap buku.

## 6.2 PENUTUP

Pertandingan Hadiah Buku Kebangsaan merupakan satu acara berprestij yang dianjurkan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia untuk memberi penghargaan kepada para penerbit yang menghasilkan bahan terbitan yang mencapai tahap dikehendaki. Walaupun sudah enam tahun acara ini diadakan, sambutan dan mutu pencapaian penerbitan yang diharapkan tidak begitu membanggakan. Setelah berehat selama dua tahun, mungkin

MBKM mempunyai strategi tersendiri untuk menarik lebih banyak penyertaan penerbit dan mendapatkan buku yang benar-benar berkualiti, layak dinobatkan mendapat hadiah setiap kategori yang dipertandingkan.

Selain itu, para penerbit di seluruh Malaysia harus menggunakan kesempatan yang ada (melalui pertandingan) untuk mengetengahkan buku-buku terbitan mereka. Walaupun tidak memenangi sebarang anugerah, ia mungkin boleh menjadi salah satu agenda promosi.